



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PERBANDINGAN PEMBELAJARAN KOPERATIF DAN  
TRADISIONAL TERHADAP PRESTASI, ATRIBUSI PENCAPAIAN,  
KONSEP KENDIRI AKADEMIK DAN HUBUNGAN SOSIAL DALAM  
PENDIDIKAN PERAKAUNAN**

**SUHaida ABDUL KADIR**

**FPP 2002 16**



**PERBANDINGAN PEMBELAJARAN KOPERATIF DAN TRADISIONAL  
TERHADAP PRESTASI, ATRIBUSI PENCAPAIAN, KONSEP KENDIRI  
AKADEMIK DAN HUBUNGAN SOSIAL DALAM  
PENDIDIKAN PERAKAUNAN**

**Oleh**

**SUHaida ABDUL KADIR**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia,  
Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Januari 2002**



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PERBANDINGAN PEMBELAJARAN KOPERATIF DAN TRADISIONAL  
TERHADAP PRESTASI, ATRIBUSI PENCAPAIAN, KONSEP KENDIRI  
AKADEMIK DAN HUBUNGAN SOSIAL DALAM  
PENDIDIKAN PERAKAUNAN**

Oleh

**SUHaida ABDUL KADIR**

**Januari 2002**

**Pengerusi : Profesor Madya Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, Ph.D.**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk membandingkan pembelajaran koperatif dengan pembelajaran tradisional di dalam pendidikan perakaunan, dengan melihat kesan kedua-dua strategi pembelajaran terhadap prestasi, atribusi pencapaian pelajar, konsep sendiri akademik di dalam mata pelajaran prinsip akaun dan hubungan sosial sesama rakan sekelas. Kajian ini juga mengenal pasti persepsi pelajar terhadap keberkesanan pelaksanaan pembelajaran koperatif. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini berbentuk kuasi eksperimen yang berlangsung selama lapan minggu dan melibatkan 208 orang pelajar. Data dikutip menggunakan soal selidik dan ujian prestasi. Data dianalisis menggunakan teknik

ancova, ujian-t dan analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan prestasi kumpulan pembelajaran koperatif lebih tinggi dan signifikan berbanding dengan kumpulan pembelajaran tradisional. Atribusi pencapaian kumpulan pembelajaran koperatif didapati berbeza dan signifikan bagi dimensi lokus sebab di dalam situasi berjaya dan dimensi kawalan oleh orang lain di dalam situasi gagal. Konsep sendiri akademik kumpulan tradisional didapati lebih tinggi dan signifikan berbanding dengan kumpulan pembelajaran koperatif. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap hubungan sosial antara kedua-dua kumpulan. Secara keseluruhannya, kebanyakan pelajar kumpulan pembelajaran koperatif menerima baik pelaksanaan pembelajaran koperatif. Implikasi dapatan kajian ini mencadangkan bahawa pembelajaran koperatif wajar digunakan sebagai satu strategi pengajaran dan pembelajaran di dalam pendidikan perakaunan bagi meningkatkan prestasi pelajar.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**COMPARISON BETWEEN COOPERATIVE LEARNING AND  
TRADITIONAL LEARNING ON PERFORMANCE, ACHIEVEMENT  
ATTRIBUTION, ACADEMIC SELF-CONCEPT AND SOCIAL  
RELATIONSHIPS IN ACCOUNTING EDUCATION**

By

**SUHaida ABDUL KADIR**

**January 2002**

**Chairman : Associate Professor Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Ph.D.**

**Faculty : Educational Studies**

The main purpose of the study is to compare the cooperative learning approach to that of the traditional approach in the teaching and learning of accounting. The effect of these approaches on academic performance, achievement attributions, academic self-concept and social relationships are examined. The study also identifies students' perceptions regarding the effectiveness of the implementation of cooperative learning. The method used in this study is quasi experiment involving 208 students. The duration of the study was eight weeks. The data collected was in the form of response to questionnaires and performance test. Data was analyzed using ancova, t-test and content analysis. The result of the study shows that the academic performance of cooperative learning group is



significantly higher compared to that of the traditional learning group. Significant differences between the groups were also found in terms of achievement attributions in causal locus dimension in success situation and in the 'controlled by others' dimension in failure situation. Academic self-concept of traditional learning group is significantly higher compared to the cooperative learning group. The results of the study also showed that there is no difference in the level of social relations between both groups. Over all, most of the students in the cooperative learning group have a positive perception towards the implementation of cooperative learning. The implication of the study suggests that cooperative learning should be used as an instructional strategy in accounting education in order to increase students' performance.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, pertama-tamanya penulis melafazkan setinggi-tinggi rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua membolehkan penulisan tesis ini sampai ke noktah yang terakhir.

Terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Profesor Madya Dr. Zaidatul Akmaliah Lope Pihie selaku Pengerusi dan Ketua Jabatan Pendidikan di atas segala bimbingan, dorongan dan sokongan yang diberikan selama ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada ahli jawatankuasa penyeliaan yang tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar, iaitu Profesor Datin Dr. Noran Fauziah Yaakub, Profesor Dr Habibah Elias dan Dr. Rohani Ahmad Tarmizi.

Seterusnya penghargaan diberikan kepada Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan, Profesor Dr. Kamariah Abu Bakar di atas sokongan yang tidak berbelah bagi, pihak Universiti Putra Malaysia kerana membiayai pengajian penulis dan penyelidikan yang dijalankan serta semua warga Fakulti Pengajian Pendidikan yang telah banyak membantu penulis sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung.

Penulis juga ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua penyelidik yang telah memberi kebenaran mengguna alat kajian mereka, ahli akademik yang menjadi panel bagi mengesahkan alat kajian yang diguna, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Selangor, Pejabat



Pendidikan Daerah Hulu Langat, guru-guru dan para pelajar yang memberi kerjasama di dalam penyelidikan ini.

Akhir sekali, penulis amat menghargai pengorbanan yang diberikan oleh suami tercinta, iaitu Hamed Sheikh Abdullah Al Amudi, anak-anak tersayang, iaitu Abdullah Hafizi, Siti Fatima dan Siti Nurul Husna, ayahanda Abdul Kadir bin Omar dan bonda Wan Dani binti Mat Ali, adik beradik penulis dan ahli keluarga mereka serta sahabat-sahabat.

Semoga Allah menerima amal kita semua.



Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah.

---

AINI IDERIS, Ph.D.  
Profesor  
Dekan, Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## DAFTAR KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK .....	ii
ABSTRACT .....	iv
PENGHARGAAN .....	vi
LEMBARAN PENGESAHAN .....	viii
PENGAKUAN .....	x
SENARAI JADUAL .....	xiv
SENARAI RAJAH .....	xvii
SENARAI SINGKATAN .....	xix
BAB	
I PENDAHULUAN.....	1
Latarbelakang Kajian.....	1
Definisi Pendidikan Perakaunan.....	1
Sejarah Perkembangan Pendidikan Perakaunan.....	3
Kepentingan Pendidikan Perakaunan.....	9
Pendidikan Perakaunan dan Falsafah Pendidikan Negara.....	12
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran di Dalam Pendidikan Perakaunan.....	24
Pembelajaran Koperatif Sebagai Satu Strategi Pembelajaran	28
Pembelajaran Koperatif Mengikut Perspektif Teoritikal.....	30
Pernyataan Masalah.....	36
Objektif Kajian.....	38
Hipotesis Kajian.....	38
Persoalan Kajian.....	39
Kerangka Kerja Konseptual Kajian.....	40
Kepentingan Kajian.....	46
Batasan Kajian.....	48
Definisi Operasional.....	49
Rumusan.....	53
II TINJAUAN KAJIAN YANG BERKAITAN.....	54
Konsep Pembelajaran Koperatif.....	54
Teknik-Teknik Pembelajaran Koperatif.....	59
Kerangka Teoritikal Pembelajaran Koperatif.....	74
Pembelajaran Koperatif dan Prestasi.....	75
Pembelajaran Koperatif dan Atribusi Pencapaian.....	98
Pembelajaran Koperatif dan Konsep Kendiri.....	120
Pembelajaran Koperatif dan Hubungan Sosial.....	136
Persepsi Guru dan Pelajar Terhadap Pembelajaran Koperatif.....	142
Rumusan.....	149

III	KAEDAH PENYELIDIKAN.....	150
	Reka Bentuk Kajian.....	150
	Pemilihan Subjek Kajian.....	152
	Alat Kajian.....	156
	Kajian Rintis.....	165
	Prosedur Kajian.....	172
	Penganalisan Data.....	178
	Rumusan.....	181
IV	HASIL KAJIAN.....	182
	Latar belakang Subjek.....	182
	Perbandingan Pembelajaran Koperatif dan Tradisional Terhadap Prestasi.....	189
	Perbandingan Pembelajaran Koperatif dan Tradisional Terhadap Atribusi Pencapaian.....	191
	Perbandingan Pembelajaran Koperatif dan Tradisional Terhadap Konsep Kendiri Akademik.....	206
	Perbandingan Pembelajaran Koperatif dan Tradisional Terhadap Hubungan Sosial.....	208
	Keberkesanan Perlaksanaan Pembelajaran Koperatif Mengikut Persepsi Pelajar.....	211
	Pengalaman Pelajar yang Telah Menyertai Pembelajaran Koperatif.....	211
	Elemen-Elemen yang Membantu Keberkesanan Pembelajaran Koperatif.....	223
	Perubahan Minat Untuk Belajar Prinsip Akaun.....	262
	Pemilihan Cara Belajar yang Lebih Digemari.....	270
	Rumusan.....	272
V	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	274
	Pengenalan.....	274
	Objektif Kajian.....	274
	Kaedah Penyelidikan.....	276
	Rumusan Hasil Kajian.....	277
	Perbincangan Hasil Kajian.....	278
	Kesan Pembelajaran Koperatif Terhadap Prestasi.....	279
	Kesan Pembelajaran Koperatif Terhadap Atribusi Pencapaian.....	283
	Kesan Pembelajaran Koperatif Terhadap Konsep Kendiri Akademik.....	296
	Kesan Pembelajaran Koperatif Terhadap Hubungan Sosial	298
	Implikasi dan Cadangan.....	299
	Cadangan Supaya Pembelajaran Koperatif Dilaksanakan di Malaysia.....	299

	Cadangan Untuk Melaksanakan Pembelajaran Koperatif yang Berkesan.....	302
	Cadangan Berkaitan dengan Atribusi Pencapaian.....	308
	Cadangan Untuk Meningkatkan Konsep Kendiri Akademik dan Hubungan Sosial.....	309
	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan.....	309
	Rumusan.....	311
BIBLIOGRAFI .....		312
LAMPIRAN		
A1	Latar Belakang Subjek.....	329
A2	Soal Selidik Dimensi Sebab .....	331
A3	Soal Selidik Konsep Kendiri Akademik.....	335
A4	Inventori Perapatan Iubapa dan Rakan.....	338
A5	Pandangan Terhadap Pembelajaran Koperatif.....	341
A6	Pandangan Terhadap Prinsip Akaun.....	344
A7	Ujian Awal.....	346
A8	Ujian Prestasi.....	353
B1	Manual Kumpulan Pembelajaran Koperatif.....	361
B2	Manual Kumpulan Pembelajaran Tradisional.....	392
B3	Bahan Bantu Mengajar.....	411
B4	Soalan-Soalan Kuiz.....	441
B5	Contoh Logo Kumpulan Pembelajaran Koperatif.....	446
B6	Pandangan Pelajar (Teks).....	448
C1	Surat Kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia.....	486
C2	Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Selangor.....	489
C3	Surat Kebenaran Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat	492
C4	Surat Jemputan Menghadiri Sesi Penerangan.....	494
C5	Surat Persetujuan Ibu Bapa.....	496
C6	Surat Kebenaran Mengguna dan Meminda Soal Selidik Skala Dimensi Sebab .....	498
C7	Surat Kebenaran Mengguna dan Meminda Soal Selidik Konsep Kendiri Akademik.....	500
C8	Surat Kebenaran Mengguna dan Meminda Inventori Perapatan Iubapa dan Rakan.....	502
C9	Surat Kebenaran Mengguna dan Meminda Inventori Perapatan Iubapa dan Rakan (Terjemahan).....	504
D	Senarai Panel Pemeriksa Alat Kajian.....	506
BIODATA .....		508

## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Unjuran Bagi Bilangan Sekolah Untuk Mata Pelajaran Perdagangan dan Perakaunan (1992-1995) .....	8
2	Perlaksanaan Mata Pelajaran Perdagangan Dan Perakaunan di Sekolah Menengah di Semenanjung Malaysia .....	9
3	Bilangan Akauntan yang Berdaftar Mengikut Kumpulan Etnik (1994) .....	14
4	Kebolehpercayaan Soal Selidik Dimensi Sebab .....	160
5	Dapatan Kajian Rintis Peringkat Ketiga .....	170
6	Pengiraan Mata Peningkatan Individu .....	176
7	Pengiraan untuk Penghargaan Kumpulan .....	176
8	Taburan Subjek Mengikut Strategi Pembelajaran dan Jantina .....	183
9	Taburan Subjek Mengikut Strategi Pembelajaran dan Etnik .....	184
10	Taburan Subjek Mengikut Strategi Pembelajaran dan Keputusan Penilaian Menengah Rendah Bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup .....	185
11	Taburan Subjek Mengikut Strategi Pembelajaran dan Keputusan Penilaian Menengah Rendah Bagi Mata Pelajaran Matematik .....	186
12	Taburan Subjek Mengikut Strategi Pembelajaran dan Mengikuti Kelas Tambahan Prinsip Akaun .....	187
13	Taburan Subjek Mengikut Strategi Pembelajaran dan Ke kerap an Mengadakan Kumpulan Perbincangan di Luar Waktu Kelas .....	188
14	Min dan Sisihan Piawai Prestasi Mengikut Strategi Pembelajaran .....	190

15	Jadual Anova Bagi Prestasi dengan Ujian Awal sebagai <i>Covariate</i> Mengikut Strategi Pembelajaran .....	191
16	Ujian-t Bagi Dimensi Lokus Sebab di Dalam Situasi Berjaya Mengikut Strategi Pembelajaran .....	193
17	Ujian-t Bagi Dimensi Kestabilan di Dalam Situasi Berjaya Mengikut Strategi Pembelajaran .....	195
18	Ujian-t Bagi Dimensi Kawalan Kendiri di Dalam Situasi Berjaya Mengikut Strategi Pembelajaran .....	197
19	Ujian-t Bagi Dimensi Kawalan Oleh Orang Lain di Dalam Situasi Berjaya Mengikut Strategi Pembelajaran ...	199
20	Ujian-t Bagi Dimensi Lokus Sebab di Dalam Situasi Gagal Mengikut Strategi Pembelajaran .....	200
21	Ujian-t Bagi Dimensi Kestabilan di Dalam Situasi Gagal Mengikut Strategi Pembelajaran .....	202
22	Ujian-t Bagi Dimensi Kawalan Kendiri di Dalam Situasi Gagal Mengikut Strategi Pembelajaran .....	204
23	Ujian-t Bagi Dimensi Kawalan Oleh Orang Lain di Dalam Situasi Gagal Mengikut Strategi Pembelajaran .....	206
24	Ujian-t Bagi Konsep Kendiri Akademik Mengikut Strategi Pembelajaran .....	207
25	Ujian-t Bagi Perapatan Mengikut Strategi Pembelajaran ..	209
26	Rumusan Dapatan Anova dan Ujian-t Bagi Pembolehubah Bersandar Mengikut Strategi Pembelajaran .....	210
27	Pengalaman Kumpulan Pembelajaran Koperatif Ketika Mengikuti Pembelajaran Koperatif .....	213
28	Persepsi Terhadap Pembahagian Kumpulan Pembelajaran Koperatif .....	225
29	Persepsi Kumpulan Pembelajaran Koperatif Terhadap Aktiviti Membuat Latihan Secara Berkumpulan .....	231
30	Persepsi Kumpulan Pembelajaran Tradisional Terhadap Aktiviti Membuat Latihan Secara Individu .....	237

31	Persepsi Terhadap Kuiz Mengikut Strategi Pembelajaran	242
32	Persepsi Kumpulan Pembelajaran Koperatif Terhadap Pengiraan Skor Kumpulan .....	248
33	Persepsi Kumpulan Pembelajaran Koperatif Terhadap Pelekat Bintang Sebagai Penghargaan Kumpulan .....	252
34	Persepsi Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Mengikut Strategi Pembelajaran .....	256
35	Persepsi Terhadap Pengajaran Guru Mengikut Strategi Pembelajaran .....	261
36	Perubahan Minat Untuk Belajar Prinsip Akaun Mengikut Strategi Pembelajaran .....	263
37	Pemilihan Cara Belajar Mengikut Strategi Pembelajaran	270
38	Senarai Pelajar Mengikut Susunan Purata Markah .....	364
39	Senarai Pelajar Mengikut Susunan Kumpulan Sebelum Ubah Suai .....	365
40	Senarai Pelajar Mengikut Susunan Kumpulan Setelah Ubah Suai .....	366

## SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Sebahagian Daripada Teori Atribusi Weiner.....	17
2	Model Hubungan antara Proses Pengajaran dengan Hasil Pembelajaran .....	25
3	Teori Pembelajaran di Dalam Pembelajaran Koperatif .....	31
4	Kerangka Kerja Konseptual Kajian .....	41
5	Model Pengaruh Ganjaran Kumpulan ke Atas Motivasi Pelajar .....	81
6	Dimensi Sebab Mengikut Taxonomi Weiner .....	105
7	Model Pengaruh Struktur Matlamat ke Atas Motivasi .....	109
8	Kaedah-Kaedah Menilai Atribusi Pencapaian .....	118
9	Model Marsh dan Shavelson .....	126
10	Model Penyebab .....	128
11	Reka Bentuk Kajian .....	152
12	Kitaran Aktiviti di Dalam Kumpulan Pembelajaran Koperatif .....	177
13	Kitaran Aktiviti di Dalam Kumpulan Pembelajaran Tradisional .....	178
14	Carta yang Menunjukkan Pengiraan Mata Peningkatan Bagi Kumpulan Pembelajaran Koperatif .....	436
15	Carta yang Menunjukkan Format Lembaran Kerja 10 Lajur	436
16	Carta yang Menunjukkan Senarai Jenis-Jenis Akaun .....	437
17	Carta yang Digunakan Untuk Menerangkan Makna Setiap Catatan Dalam Akaun .....	437
18	Carta yang Menunjukkan Formula Pengiraan Nisbah Untuk Penyata Pendapatan .....	438



19	Carta yang Menunjukkan Penyata Pendapatan Bagi Satu Tahun .....	438
20	Carta yang Menunjukkan Penyata Pendapatan Bagi Dua Tahun .....	439
21	Carta yang Menunjukkan Formula Pengiraan Nisbah Untuk Kunci Kira-Kira .....	439
22	Carta yang Menunjukkan Kunci Kira-Kira Bagi Satu Tahun	440
23	Carta yang Menunjukkan Kunci Kira-Kira Bagi Dua Tahun	440
24	Contoh Logo Kumpulan Pembelajaran Koperatif .....	447



## SENARAI SINGKATAN

ASDQ II	Academic Self-Descriptions Questionnaire
CDS	<i>Causal Dimension Scale</i>
CDSII	Revised Causal Dimension Scale
CIRC	<i>Cooperative Integrated Reading and Composition</i>
d.k	darjah kebebasan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
hlm.	halaman
I/E	<i>Internal/External Frame of Reference Model</i>
IPIR	Inventori Perapatan Iubapa dan Rakan
IPPA	<i>Inventory of Parent and Peer Attachment</i>
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KH	Kemahiran hidup
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MSCS	<i>Multidimensional Self Concept Scale</i>
OSIQ-R	<i>Offer Self-Image Questionnaire Revised</i>
PASS	<i>Perception of Ability Scale For Students</i>
PK	Pembelajaran koperatif
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PT	Pembelajaran tradisional
PTPA	Pandangan Terhadap Prinsip Akaun
PTPK	Pandangan Terhadap Pembelajaran Koperatif
RCT	<i>Regency Competency Test</i>
SAS	<i>Sydney Attribution Scale</i>
SDS	Soal Selidik Dimensi Sebab
SDQ	<i>Self-Description Questionnaire</i>
SEI	<i>Self-Esteem Index</i>
SES	Status ekonomi sosial
sig.	signifikan
SKKA	Soal Selidik Konsep Kendiri Akademik
s.p	sisihan piawai
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STAD	<i>Student Teams-Achievement Divisions</i>
TAI	<i>Team Assisted Individualizations</i>
TGT	<i>Teams-Games-Tournaments</i>
t.h	tidak hadir
TMPA	<i>Team Member Performance Appraisal</i>
t.s	tidak signifikan
UCRS	<i>University Course Rating Scale</i>
VT	Vokasional dan teknologi



# **BAB SATU**

## **PENDAHULUAN**

Di dalam Bab ini pengkaji membincangkan latar belakang pendidikan perakaunan di Malaysia dari segi sejarah, kepentingan dan hubungannya dengan Falsafah Pendidikan Negara. Seterusnya pengkaji menjurus kepada pembelajaran koperatif (PK) yang menjadi fokus kajian. Pernyataan masalah bagi kajian ini diperjelaskan beserta dengan objektif, hipotesis, kerangka kerja konseptual, kepentingan dan batasan kajian. Di akhir bab ini, definisi operasional bagi istilah-istilah yang digunakan di dalam kajian ini juga disertakan.

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Pendekatan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran perakaunan pada masa kini adalah berpusatkan guru dan latih tubi secara individu. Namun begitu, tidak semua pelajar dapat mengikuti pendekatan tersebut dengan baik. Ini dapat dilihat berdasarkan pencapaian pelajar yang kurang memuaskan di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran lain yang berkesan dan boleh disesuaikan dalam pendidikan perakaunan.

#### **1.1.1 Definisi Pendidikan Perakaunan**

Arumugam (1986) dan Sukumaran (1991) berpendapat "pendidikan perakaunan adalah satu pengajian mengenai semua peraturan-peraturan atau prinsip-prinsip tentang perekodan angka dalam nilai-nilai kewangan". Berdasarkan takrif



perakaunan yang diberikan oleh Skousen, Langenderfer dan Albrecht (1993), pendidikan perakaunan boleh dianggap sebagai satu bidang ilmu yang berkaitan dengan pemahaman dan kemahiran pelajar dalam mengumpul, mengukur dan menyampaikan maklumat kewangan.

Di antara istilah yang digunakan untuk pendidikan perakaunan di dalam sistem pendidikan di Malaysia ialah simpan kira, prinsip akaun dan perakaunan. Perbezaan tersebut lebih merujuk kepada setakat mana tajuk-tajuk di dalam perakaunan diliputi mengikut tahap pendidikan (Arumugam,1986; Sukumaran,1991).

Pendidikan perakaunan merupakan salah satu komponen di dalam pendidikan perdagangan. Jika dilihat dalam skop yang lebih luas, pendidikan perdagangan mempunyai aspek pendidikan vokasional dan aspek pendidikan umum (Daughtery dan Ristau, 1991; Zaidatol Akmaliah dan Habibah, 1990; Halimah, 1992).

Pendidikan vokasional lebih menjurus kepada membantu pelajar menguasai kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk mereka bekerja di dalam sesuatu bidang. Pendidikan perakaunan dari aspek pendidikan vokasional berupaya menyediakan pelajar untuk bekerja dalam bidang simpan kira, akaun, pengurusan kewangan, pengkosan, percukaian dan pelaburan. Aspek pekerjaan lain dalam pendidikan perdagangan vokasional ialah kesetiausahaan, perkeranian, pengagihan dan pengurusan perniagaan.

Pendidikan perdagangan umum bercorak membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemampuan yang membantu mereka di dalam urusan kewangan peribadi dan membolehkan mereka berurusan di dalam dunia perniagaan. Dengan kata lain, pendidikan perakaunan yang merupakan sebahagian daripada pendidikan perdagangan dapat membantu pelajar menjadi warganegara yang berpengetahuan dalam perniagaan dan berupaya mengurus kewangan peribadi.

### **1.1.2 Sejarah Perkembangan Pendidikan Perakaunan**

Pendidikan perakaunan di Malaysia bermula melalui penubuhan sekolah perdagangan dalam tahun 1920-an di Pulau Pinang (Gull, 1983; Sukumaran, 1984; 1991). Pada awalnya, kursus perdagangan diusahakan oleh organisasi bukan kerajaan seperti pengembang agama Kristian. Pelajar-pelajar mengambil peperiksaan yang dikelolakan dari luar negeri seperti peperiksaan London Chamber of Commerce dan peperiksaan Pitman.

Dalam tahun 1950-an, kerajaan mula mengambil berat tentang pendidikan perdagangan dengan mewujudkan mata pelajaran *Accounts and Arithmetic* bagi peringkat menengah atas. Berdasarkan Laporan Penyata Razak, bermula tahun 1958, mata pelajaran tersebut dijadikan sebahagian daripada mata pelajaran vokasional dengan nama *Principles of Accounts*. Pada tahun 1960-an, mata pelajaran *Commercial Studies* diperkenalkan di peringkat menengah rendah yang kemudiannya dikenali sebagai pengajian perdagangan (Arumugam, 1986).

Bermula tahun 1965, pendidikan perdagangan dimasukkan ke dalam kurikulum pendidikan kebangsaan sebagai salah satu mata pelajaran pilihan untuk peringkat menengah rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980) dengan nama perdagangan dan keusahawanan. Mata pelajaran pilihan lain yang ditawarkan adalah seni perusahaan, sains pertanian dan sains rumahtangga. Sistem pendidikan yang berbagai aliran itu dikenali sebagai pendidikan aneka jurusan. Walau bagaimanapun, tidak semua sekolah menawarkan keempat-empat jurusan tersebut.

Matlamat memperkenalkan pendidikan aneka jurusan adalah untuk memberi peluang pendidikan kepada semua pelajar selama sembilan tahun, melengkapkan pelajar dengan pendidikan menengah rendah sebelum memasuki pasaran pekerjaan, pelajar mendapat pendedahan kursus yang membantu mereka memilih pekerjaan yang sesuai, memenuhi keperluan guna tenaga bagi berbagai bidang dan membolehkan penyediaan kurikulum menengah atas yang khusus mengikut keperluan pelajar sama ada pendidikan teknik, akademik atau mencari pekerjaan.

Di peringkat menengah atas, pelajar akan melanjutkan pelajaran sama ada ke sekolah menengah biasa (sekolah menengah akademik) yang menawarkan jurusan sains atau sastera, sekolah menengah teknik yang menekankan mata pelajaran teknik atau sekolah menengah vokasional yang menekankan mata pelajaran vokasional. Di sekolah menengah akademik dan teknik, mata pelajaran prinsip akaun dan perdagangan merupakan dua mata pelajaran pilihan yang berasingan. Manakala di sekolah menengah vokasional, mata pelajaran simpan

kira ditawarkan di bawah kursus perdagangan dan lebih menekankan aspek amali berbanding dengan prinsip akaun. Pelajar kursus sains rumahtangga di sekolah menengah vokasional juga dikehendaki menguasai aspek belanjawan dan simpan kira. Manakala pelajar kursus sains pertanian hanya diberi pendedahan asas di dalam belanjawan dan simpan kira (Arumugam, 1986).

Manakala pendidikan tingkatan enam menawarkan dua jurusan sahaja iaitu sains dan sastera. Mata pelajaran perakaunan dan ekonomi merupakan mata pelajaran pilihan dan lanjutan daripada mata pelajaran prinsip akaun dan perdagangan.

Sharifah dan Zaidatol Akmaliah (1990) telah mengkaji kesan pendidikan aneka jurusan dengan menggunakan sampel 2200 orang pelajar tingkatan satu dan dua daripada 15 buah sekolah. Walaupun sistem aneka jurusan bertujuan memberi pendidikan pravokasional berasaskan minat pelajar, namun dapatan kajian menunjukkan kebanyakan sekolah menempatkan pelajar kepada sesuatu jurusan berasaskan pencapaian pelajar. Hanya pelajar yang baik pencapaiannya berpeluang berada di aliran perdagangan. Maka wujud tanggapan di kalangan pelajar bahawa pelajar aliran perdagangan yang lebih pandai berbanding dengan aliran lain. Implikasinya, tidak semua pelajar berpeluang mendapat pendedahan dalam pendidikan perdagangan.

Pada tahun 1979, satu Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji pelaksanaan sistem pendidikan negara secara keseluruhannya telah mengeluarkan satu laporan. Salah satu aspek yang disentuh adalah berkenaan dengan pendidikan perdagangan. Laporan itu mendapati bilangan pelajar di sekolah pengantar bahasa Melayu yang